

1. Qiyamullail (Riwayat Bukhari dan Muslim)
2. Taubat yang benar (R. Muslim)
3. Tasbih, Tahmid dan Takbir 33 kali, serta menyebut *La ilaha illallah wahdahu la sharika lah lahul mulku wa lahul hamd wa huwa 'ala kulli syai'in qadir* selepas tiap solat fardu (R. Muslim)
4. Menyempurnakan wudhuk, berjalan kaki ke masjid dan menunggu waktu solat (R. Muslim dan Tirmizi)
5. Sabar di atas musibah (R. Bukhari)
6. Berpuasa di hari Arafah dan hari Asyura (R. Muslim)
7. Bertasbih *Subhanallah wa bihamdihi* 100 kali sehari (R. Bukhari)
8. Bersedekah (R. Tirmizi)
9. Seorang yang bersolat lalu menyebut 'Aamin' yang disertai pula 'Aamin' para Malaikat di langit (Muttafaq 'alaih)



PENGUMUMAN

Bersempena dengan tahun Hijriyah 1431 dan sesi pengajian 2010, Yayasan Ta'lim dengan izin Allah -سبحانه وتعالى- akan menganjurkan 3 kelas pengajian baru pada waktu malam demi memperkaya khazanah keilmuan para penuntut dan khususnya bagi memberi peluang kepada ahli masyarakat yang tidak berkesempatan mengikuti kuliah pada siang hari. Jadual adalah seperti berikut:

Hari	Kelas	Waktu	Pengajar
Selasa	Aqidah Islam	8.15 mlm – 9.30 mlm	Ustaz Yunus
Rabu	Fiqh	8.15 mlm – 9.30 mlm	Ustaz Adli
Khamis	Tafsir	8.15 mlm – 9.30 mlm	Ustaz Adli



Risalah Ta'lim

إله الله
MENJUNJUNG KEBENARAN
Yayasan Ta'lim

Terbitan Yayasan Ta'lim, TTDI. Bil (2) 1 Safar 1431 / 17 Januari 2010

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَإِذَا سَمِعُوا مَا أُنزِلَ إِلَى الرَّسُولِ تَرَى أَعْيُنُهُمْ تَفِيضُ مِنَ الدَّمْعِ
مِمَّا عَرَفُوا مِنَ الْحَقِّ يَقُولُونَ رَبَّنَا آمَنَّا فَاكْتُبْنَا مَعَ الشَّاهِدِينَ

Dan apabila mereka mendengar Al Qur'an yang diturunkan kepada Rasulullah (Muhammad -صلى الله عليه وسلم-), engkau melihat mata mereka mencucurkan air mata disebabkan apa yang mereka ketahui (melalui Kitab mereka) dari kebenaran (Al Qur'an), sambil mereka berkata: Wahai Tuhan kami, kami beriman (kepada Muhammad dan Kitab Suci Al Qur'an), oleh itu tetapkanlah kami bersama-sama orang-orang yang menjadi saksi (yang mengakui kebenaran Muhammad -صلى الله عليه وسلم-). (Al-Ma'idah: 83)

Al Qur'an Adalah Petunjuk Bagi Orang-Orang Bertaqwa

Al Qur'an al Karim, kitab yang tiada keraguan padanya, petunjuk bagi mereka yang beriman dan taat. Tidaklah Al Qur'an itu diturunkan hanya bagi mereka yang hidup di zaman Rasulullah -صلى الله عليه وسلم-, malah pengajarannya berterusan sehingga ke hari Kiamat. Al-'Allamah as-Sa'di رحمه الله ketika menerangkan ayat ini, mengatakan bahawa apa-apa yang didatangkan oleh Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- melalui wahyu bakal mendatangkan kesan ke dalam hati mereka yang benar-benar merendahkan diri (memberi sepenuh perhatian), dan bercucuranlah air mata mereka setelah mendengar dan memperakui kebenaran dakwah Rasulullah -صلى الله عليه وسلم-, lantas dengannya mereka yakin dan beriman (Taisir al-Karim al-Rahman, jld 1, ms 553, Alim al-Kutub).

Keutamaan Mempelajari dan Mengajar Al Qur'an

Dari Uthman bin Affan -رضي الله عنه-, diriwayatkan bahawa beliau menceritakan, Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- bersabda, maksudnya: "Yang terbaik di kalangan kamu adalah sesiapa yang belajar Al Qur'an dan mengajarnya" (Riwayat Bukhari)

Tujuan Membaca Al Qur'an

1) Memperoleh ilmu

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ

(Al Qur'an ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan untuk orang-orang yang berakal sempurna agar mengambil iktibar. (Saad: 29)

Malah Ibnu Mas'ud -رضي الله عنه- menyebut, "Apabila kamu menginginkan ilmu, maka bukalah Al Qur'an, kerana di dalamnya terkandung ilmu umat terdahulu dan akan datang." (Musannaf Ibn Abi Syaibah)

2) Membaca Al Qur'an dengan tujuan mengamalkannya


Dari Abu Abdurrahman Sulami -رحمه الله- dari Uthman, Ibn Mas'ud dan Ubai bin Ka'ab -رضي الله عنهم-, bahawa Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- sentiasa membacakan sepuluh ayat Al Qur'an kepada mereka. Mereka tidak akan berpindah ke ayat yang lain sehingga mereka mempelajari pengamalan - sepuluh ayat yang terdahulu. (Tafsir al-Qurtubi)

3) Untuk bermunajat kepada Allah -سبحانه وتعالى-

Dari Abu Hurairah -رضي الله عنه- berkata, beliau mendengar Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- bersabda: "Tidaklah Allah mendengar suatu suara yang (lebih) baik dari Nabi -صلى الله عليه وسلم- melainkan ketika memperelokkan bacaan Al Qur'an dan menguatkannya." (Riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud dan Nasaie)

4) Mengharap pahala daripada Allah -سبحانه وتعالى-

Dari Ibnu Mas'ud -رضي الله عنه-, beliau berkata Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- bersabda, maksudnya: "Barangsiapa yang membaca satu huruf dari Kitabullah maka ia akan mendapatkan satu kebaikan, dan satu kebaikan dibalas dengan sepuluh kali ganda. Aku tidak mengatakan alif, lam, mim itu satu huruf, namun alif satu huruf, lam satu huruf, dan mim satu huruf." (Riwayat Tirmizi)



5) Dengan tujuan berubat

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al Qur'an yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman. (Yunus: 57)

Ancaman Terhadap Mereka Yang Menolak Al Qur'an

إِنَّ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَاسْتَكْبَرُوا عَنْهَا لَا تُفَتَّحُ لَهُمْ أَبْوَابُ السَّمَاءِ وَلَا يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّىٰ يَلِجَ الْجَمَلُ فِي سَمِّ الْخِيَاطِ وَكَذَلِكَ نَجْزِي الْمُجْرِمِينَ

Sesungguhnya orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan menyombongkan diri terhadapnya, sekali-kali tidak akan dibukakan bagi mereka pintu-pintu langit dan tidak [pula] mereka masuk syurga, sehingga unta masuk ke dalam lubang jarum. Demikianlah Kami memberi pembalasan kepada orang-orang yang berbuat kejahatan. (Al-A'raaf: 40)

Bulan Safar dan Amalan Penghapus Dosa

Sesungguhnya agama Islam telah pun sempurna dari segenap sudut aqidah dan ibadahnya sepertimana yang dijanjikan Allah -سبحانه وتعالى- dalam ayat 3, Surah al-Ma'idah. Maka setiap amal ibadah yang mendekatkan hamba kepada Allah -سبحانه وتعالى-, menjanjikan pahala dan menghapuskan dosa sudah pasti mempunyai petunjuknya daripada Al Qur'an ataupun hadis-hadis Nabi -صلى الله عليه وسلم-. Apatah lagi amalan-amalan yang ditetapkan waktu tertentu dan cara tertentu. Bukanlah hak manusia untuk menentukan kaedah menghambakan diri kepada Tuhannya.

Bulan Safar pernah dikaitkan masyarakat dengan amalan dan larangan tertentu seperti mandi safar (dengan tujuan menolak bala dan menghapus dosa), larangan mengadakan majlis perkahwinan (dikhuatiri tidak kekal dan tiada berzuriat), tidak boleh bermusafir dan sebagainya. Ternyata kepercayaan tersebut tidak berasas malah bertentangan dengan hadith sahih riwayat Imam Bukhari -رحمه الله- yang bermaksud: "Tiada penyakit yang berjangkit (dengan sendiri), tiada (keburukan ataupun kesialan pada bulan) Safar dan tiada (kecelakaan yang bersangkutan dengan) burung hantu".

Segala puji bagi Allah -سبحانه وتعالى- yang telah mengurniakan kepada umat Islam para ulama bagi menjelaskan kekeliruan ini. Berikut adalah beberapa amalan penghapus dosa menurut Sunnah Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- yang sahih:

